

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, MELAKA

BIL. 6/2020

PENAMBAHBAIKAN SEKATAN KEPENTINGAN DI BAWAH SEKSYEN 120 KANUN TANAH NEGARA

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan Pentadbir Tanah dan Pendaftar mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka melalui Risalat MMKN.P14 7A/18/2020 yang telah bersidang pada 1.10.2020 dan disahkan pada 14.10.2020..

Di bawah peruntukan seksyen 120 Kanun Tanah Negara (KTN), Pihak Berkuasa Negeri diberi kuasa untuk mengenakan syarat nyata dan sekatan kepentingan ke atas suatu tanah yang diberimilik. Syarat nyata dan sekatan kepentingan yang difikirkan bersesuaian itu hendaklah ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada masa suatu tanah itu diluluskan untuk pemberimilikan tanah Kerajaan (PTK) atau untuk pemberimilikan semula melalui permohonan serahbalik berimilik semula (SBMS).

Bagi tujuan menyeragamkan sekatan kepentingan pada hakmilik yang dikeluarkan, melalui Risalat MMKN.P14 8A/18/2020, MMKN telah meluluskan cadangan penambahbaikan sekatan kepentingan hakmilik seperti berikut:

A. RUMAH MAMPU MILIK (RMM) DAN RUMAH KOS RENDAH (RKR)

KATEGORI	SEKATAN ASAL	SEKATAN BARU
RMM DAN RKR (Kod A - Kuota Melayu)	Kod A i) Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan kepentingan	Kod A Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri;

	<p>ini dikecualikan kepada orang Melayu.</p> <p>ii) Sekatan pindahmilik, pajakan atau gadaian dikenakan selama 10 tahun dari tarikh pindahmilik didaftarkan</p>	<p>a) sekatan kepentingan ini dikecualikan bagi pindahmilik, pajakan atau gadaian kepada /oleh orang Melayu;</p> <p>b) sekatan bagi urusniaga di bawah Kanun Tanah Negara 1965 dikenakan selama 10 tahun dari tarikh pindahmilik/gadaian pembeli pertama didaftarkan kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.</p>
RMM DAN RKR (Kod B - Kuota Terbuka)	<p>Kod B</p> <p>i) Tanah ini tidak dibenarkan dipindahmilik, dipajak atau digadai kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan kepentingan ini dikecualikan bagi pindahmilik, pajakan atau gadaian yang pertama.</p> <p>ii) Sekatan pindahmilik, pajakan atau gadaian dikenakan selama 10 tahun dari tarikh pindahmilik didaftarkan</p>	<p>Kod B</p> <p>Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri;</p> <p>a) sekatan kepentingan ini dikecualikan bagi pindahmilik, pajakan atau gadaian kepada /oleh pembeli pertama;</p> <p>b) sekatan bagi urusniaga di bawah Kanun Tanah Negara 1965 dikenakan selama 10 tahun dari tarikh pindahmilik/gadaian pembeli pertama kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.</p>

B. PERUMAHAN BEBAS

KATEGORI	SEKATAN ASAL	SEKATAN BARU
Bebas (Kod A - Kuota Melayu)	<p>Kod A</p> <p>Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan kepentingan ini dikecualikan kepada orang Melayu.</p>	<p>Kod A</p> <p>Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri;</p> <p>a) sekatan kepentingan ini dikecualikan bagi pindahmilik, pajakan atau gadaian kepada /oleh orang Melayu</p>
Bebas (Kod B - Kuota Terbuka)	<p>Kod B</p> <p>Tanah ini tidak dibenarkan dipindahmilik, dipajak atau digadai kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan kepentingan ini dikecualikan bagi pindahmilik, pajakan atau gadaian yang pertama.</p>	<p>Kod B</p> <p>Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri;</p> <p>a) sekatan kepentingan ini dikecualikan bagi pindahmilik, pajakan atau gadaian kepada /oleh pembeli pertama.</p>

C. UTILITI

KATEGORI	SEKATAN ASAL	SEKATAN BARU
Utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB)	<p>Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa</p>	<p>Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa</p>

	Negeri. Sekatan kepentingan ini dikecualikan bagi pindahmilik pertama kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).	Negeri; a) sekatan kepentingan ini dikecualikan bagi pindahmilik pertama kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).
Utiliti Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB)	Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan kepentingan ini dikecualikan bagi pindahmilik pertama kepada Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB).	Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri; a) sekatan kepentingan ini dikecualikan bagi pindahmilik pertama kepada Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB).

Arahan ini hendaklah mula berkuat kuasa serta merta. Pentadbir Tanah dan Pendaftar diminta mengambil perhatian dan tindakan dalam melaksanakan arahan ini.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


(SAIFUL HAZWA BIN KIPLI)
 b.p. Pengarah Tanah dan Galian,
 Melaka.

Tarikh : 28 Oktober 2020